



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

LAPORAN STATISTIK BAZAR RAMADAN & AIDILFITRI 2023

Nilai jualan Bazar Ramadan dan Aidilfitri merekodkan peningkatan 5.9 peratus kepada RM2.5 bilion pada 2023, mencipta 203,667 peluang pekerjaan

PUTRAJAYA, 16 JUN 2023 – Nilai jualan Bazar Ramadan dan Aidilfitri merekodkan peningkatan 5.9 peratus kepada RM2.5 bilion dan mewujudkan 203,667 peluang pekerjaan pada 2023, seperti dilaporkan Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM). **Statistik Bazar Ramadan & Aidilfitri 2023** yang diterbitkan secara rasmi pada hari ini memaparkan statistik berkaitan nilai jualan, bilangan pekerja dan bilangan gerai perniagaan. Statistik ini diterbitkan di peringkat nasional, negeri dan daerah pentadbiran.

Menurut Jabatan Perangkaan Malaysia, penemuan laporan ini adalah berdasarkan survei yang dijalankan oleh DOSM bermula pada 23 Mac hingga 22 April 2023 (bulan Ramadan). Kajian ini meliputi semua bazar yang berdaftar dengan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Dari segi pengumpulan data, kaedah yang digunakan ialah temu ramah secara bersemuka, pemerhatian dan panggilan telefon. Selain itu, DOSM juga menggunakan data pentadbiran yang diperolehi daripada PBT.

Bazar Ramadan dan Bazar Aidilfitri

Prestasi keseluruhan bagi 2023, nilai jualan bazar Ramadan dan Aidilfitri meningkat sebanyak 5.9 peratus untuk mencatatkan sejumlah RM2.5 bilion berbanding tahun sebelumnya (2022: RM2.4 bilion). Sementara itu, bilangan pekerja bertambah 30.3 peratus dengan merekodkan sejumlah 203,667 orang. Dari segi prestasi mengikut negeri, Selangor mendominasi nilai jualan bagi Bazar Ramadan dan Aidilfitri dengan merekodkan sebanyak RM0.6 bilion dengan bilangan pekerja seramai 32,760 orang pekerja. Ini diikuti oleh Johor, RM0.4 bilion (35,417 pekerja) dan W.P. Kuala Lumpur

dengan RM0.3 bilion (10,098 pekerja). Ketiga-tiga negeri ini menyumbang 50.0 peratus kepada nilai jualan keseluruhan. Di peringkat daerah pentadbiran, Johor Bahru mencatatkan nilai jualan tertinggi dengan RM207.6 juta, diikuti oleh Petaling, RM204.5 juta dan Klang, RM87.4 juta.

Bazar Ramadan

Jumlah nilai jualan Bazar Ramadan menunjukkan peningkatan 2.4 peratus untuk merekodkan sejumlah RM2.0 bilion pada 2023. Selangor mencatatkan nilai jualan tertinggi sebanyak RM451.4 juta, diikuti oleh Johor RM313.5 juta dan W.P Kuala Lumpur RM264.3 juta. Seterusnya bagi peringkat daerah pentadbiran, Petaling merekodkan nilai jualan tertinggi sebanyak RM186.0 juta. Johor Bahru adalah kedua tertinggi iaitu RM148.3 juta dan diikuti oleh Ulu Langat, RM64.3 juta.

Sementara itu, bilangan pekerja bagi bazar Ramadan mencatatkan peningkatan dua digit 28.2 peratus berbanding 133,726 orang pada 2022. Johor mencatatkan bilangan pekerja Bazar Ramadan tertinggi iaitu seramai 30,159 orang, diikuti oleh Selangor 26,655 orang dan Sarawak 14,553 orang. Bagi peringkat daerah pentadbiran, Johor Bahru mencatatkan bilangan pekerja tertinggi iaitu seramai 14,493 orang. Petaling adalah kedua tertinggi dengan 8,746 orang, diikuti oleh Kinta, 4,681 orang.

Bazar Aidilfitri

Sementara itu, bagi prestasi Bazar Aidilfitri, jumlah nilai jualan meningkat 21.4 peratus berbanding 2022 (RM0.4 bilion). Selangor mencatatkan jumlah nilai jualan tertinggi iaitu RM112.7 juta. Ini diikuti oleh Johor RM97.5 juta dan Melaka, RM47.4 juta. Di peringkat daerah pentadbiran, Johor Bahru mencatatkan nilai jualan tertinggi iaitu sebanyak RM59.3 juta, diikuti Klang RM53.6 juta dan Melaka Tengah RM43.5 juta.

Dari segi jumlah pekerja, terdapat 32,281 orang bekerja di bazar Aidilfitri iaitu meningkat 42.6 peratus berbanding 22,635 orang yang dicatatkan pada tahun sebelumnya. Selangor mencatatkan jumlah pekerja tertinggi iaitu seramai 6,105 orang. Johor adalah yang kedua dengan 5,258 orang dan diikuti oleh Kedah 2,850 orang. Manakala di peringkat daerah, Klang mencatatkan bilangan pekerja tertinggi iaitu seramai 2,822 orang. Melaka Tengah adalah yang kedua tertinggi dengan 2,226 orang, dan diikuti oleh Johor Bahru seramai 2,037 orang.


Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang menjalankan Banci Ekonomi pada tahun 2023. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden dalam memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan banci ini. Sila layari www.dosm.gov.my untuk maklumat lanjut.

DOSM telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data. OpenDOSM NextGen ialah platform perkongsian data sumber terbuka dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Dimaklumkan bahawa Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan *MyStats Day* adalah “*Connecting the World with Data We Can Trust*”

DOSM akan mengeluarkan Anggaran KDNK Awalan bermula pada suku tahun kedua 2023. Anggaran awalan ini merupakan inisiatif yang dilaksanakan oleh DOSM untuk memberikan gambaran prestasi ekonomi empat (4) minggu awal sebelum KDNK Suku Tahunan dikeluarkan.

**Carta 1: Jumlah Nilai Jualan Bazar Ramadan dan Aidilfitri
Mengikut Negeri, 2023 (RM Juta)**



**Carta 2: Nilai Jualan (RM Juta) bagi Bazar Ramadan dan
Aidilfiri 2023: 20 Daerah Pentadbiran Tertinggi**



Dikeluarkan oleh:

JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
16 JUN 2023



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

REPORT ON STATISTICS OF RAMADAN & AIDILFITRI BAZAARS, MALAYSIA, 2023

Sales Value of Ramadan and Aidilfitri Bazaars recorded an increase of 5.9 per cent to reach RM2.5 billion in 2023, creating 203,667 jobs

PUTRAJAYA, 16 June 2023 – Sales value of the Ramadan and Aidilfitri Bazaars recorded an increase of 5.9 per cent to reach RM2.5 billion and created 203,667 jobs in 2023, as reported by the Department of Statistics Malaysia (DOSM). **Statistics Of Ramadan and Aidilfitri Bazaar 2023** which was officially released today, displays statistics related to sales value, number of persons engaged and number of business stalls. These statistics are presented at national, state and administrative district levels.

According to the Department of Statistics Malaysia, the findings of this report were based on a study conducted by DOSM starting from 23rd March to 21st April 2023 (month of Ramadan). This study covered all bazaars registered with the Local Authority (LA). In terms of data collection, the methods used were face-to-face interviews, observations and telephone calls. Apart from that, DOSM also used administrative data obtained from local authorities.

Ramadan and Aidilfitri Bazaars

Overall performance for 2023, the sales value of the Ramadan and Aidilfitri Bazaars rose by 5.9 per cent to register RM2.5 billion as against the previous year (2022: RM2.4 billion). Meanwhile, the number of persons engaged added by 30.3 per cent to record a total of 203,667 persons. In terms of performance by state, Selangor dominated the sales value for the Ramadan and Aidilfitri Bazaars by recording RM0.6 billion with 32,760 of persons engaged. This was followed by the Johor RM0.4 billion (35,417 persons engaged) and W.P. Kuala Lumpur with RM0.3 billion (10,098 persons engaged). These three states contributed 50.0 per cent to the overall sales value. At administrative district level, Johor Bahru recorded the highest sales value with RM207.6 million, followed by Petaling RM204.5 million, and Klang RM87.4 million.

Ramadan Bazaar

Total sales value for Ramadan Bazaar showed an increased of 2.4 per cent to record RM2.0 billion in 2023. Selangor recorded the highest sales value with RM451.4 million, followed by Johor RM313.5 million, and W.P. Kuala Lumpur RM264.3 million. Next at the administrative district level, Petaling recorded the highest sales value with RM186.0 million. Johor Bahru was the second with RM148.3 million, and followed by Ulu Langat, RM64.3 million.

Meanwhile, the number of persons engaged for Ramadan Bazaar registered a double-digit growth of 28.2 per cent as against 133,726 persons in 2022. Johor recorded the highest number of Ramadan Bazaar persons engaged with 30,159 persons, followed by Selangor 26,655 persons, and Sarawak 14,553 persons. At the administrative district level, Johor Bahru recorded the highest number of persons engaged with 14,493 persons. Petaling was the second with 8,746 persons and followed by Kinta 4,681 persons.

Aidilfitri Bazaar

Meanwhile, for the performance of the Aidilfitri Bazaar, total sales value increased by 21.4 per cent as compared to 2022 (RM0.4 billion). Selangor registered the highest total sales value with RM112.7 million. This was followed by Johor RM97.5 million and Melaka RM47.4 million. At the administrative district level, Johor Bahru recorded the highest sales value with RM59.3 million, followed by Klang RM53.6 million, and Melaka Tengah RM43.5 million.

In terms of the number of persons engaged, there were 32,281 persons engaged in the Aidilfitri Bazar, which increased by 42.6 per cent as against 22,635 persons registered in the previous year. Selangor recorded the highest with 6,105 persons. Johor was the second with 5,258 persons, and followed by Kedah 2,850 persons. Meanwhile, at the district level, Klang registered the highest number of persons engaged with 2,822 persons. Melaka Tengah was the second highest with 2,226 persons, and followed by Johor Bahru 2,037 persons.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the Economic Census in 2023. DOSM greatly appreciates the cooperation of respondents in providing information and ensuring the success of this census. Please visit www.dosm.gov.my for more information.

DOSM has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides a catalogue of data and visualisation to facilitate users in analysing various data. OpenDOSM NextGen is an open source data sharing platform and accessible through <https://open.dosm.gov.my> portal.

Please be informed that the Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20 each year. MyStats Day theme is “Connecting the World with Data We Can Trust”.

DOSM will release Preliminary GDP Estimates commencing the second quarter of 2023. This preliminary estimate is an initiative by DOSM to provide an overview of the economic performance four (4) weeks in advance before the Quarterly GDP is released.

Chart 1: Total Sales Value (RM Million) for Ramadan and Aidilfiri Bazaars by State, 2023





Chart 2: Sales Value (RM Million) for Ramadan and Aidilfiri Bazaars 2023: Top 20 Administrative Districts



Released by:

DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
16 JUNE 2023